

Cara penggunaan penutup mulut dan hidung (*mask*)



Jenis N95



1 Kendurkan tali getah dengan menarik di antara 1 - 2 inci sepanjang tali supaya tali getah tidak terlalu tegang.



2 Pegang penutup mulut dan hidung itu di tapak tangan anda dengan meletakkan hujung jari pada kepingan logam penyepit hidung. Biar tali getah terjuntai di bawah tangan anda.



3 Tangkupkan penutup mulut dan hidung itu di bawah dagu dengan kepingan logam penyepit hidung di sebelah atas.



4 Letakkan tali getah atas mengelilingi kepala di paras atas telinga manakala tali kedua diletakkan di paras bawah telinga. Pastikan tali getah tidak terpingtal.



5 Menggunakan kedua-dua belah tangan, bentukkan kepingan logam mengikut bentuk hidung.



6 Untuk memastikan pemakaian yang betul, tutup penutup mulut dan hidung dengan kedua-dua belah tapak tangan dan hembus dengan kuat. Sekiranya udara keluar dari sekeliling hidung, tekan kepingan logam, supaya melekap pada hidung. Jika udara keluar dari tepi, tarik getah ke belakang.



Jenis Pembedahan (*Surgical Mask*)



1 Tutup keseluruhan mulut dan hidung.



2 Ikat tali atas mengelilingi kepala di atas paras telinga, kemudian ikat tali kedua di bawah paras telinga.



3 Menggunakan kedua-dua belah tangan, bentukkan kepingan logam mengikut bentuk hidung.

